



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	29/5/2017 MUKA SURAT : 46
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Pengusaha tebu, sawit tanggung rugi

Tanaman diusahakan musnah diserang gajah liar sejak sebulan lalu

KAHANG - Dianggarkan lebih 80 pekebun kecil di sekitar kawasan Kahang dekat sini, dibelenggu masalah serangan gajah liar sejak kebelakangan ini.

Bagaimanapun, masalah itu semakin serius sejak sebulan lalu, sehingga pekebun kecil terpaksa menanggung kerugian akibat serangan haiwan tersebut.

Bagi pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Norlin Azhan Atan, 35, berkata, dia mengusahakan tanaman tebu seluas 1.2 hektar, kini menanggung kerugian apabila tebu yang baru ditanam Disember lalu dimusnahkan gajah liar.

Menurutnya, tebu yang sepatutnya dijual Ogos ini tidak dapat dinikmati hasilnya kerana dimusnahkan haiwan itu pagi Jumaat lalu.

"Saya dan isteri sedar kehadiran haiwan ni bila masuk kebun jam 7 pagi.

"Sampai saja di kebun saya tengok tanaman tebu habis dimakan dan dimusnahkan hingga tiada apa yang boleh diselamatkan.

"Tebu ini saya usahakan dengan modal RM60,000. Ia projek tanaman kontrak yang mana hasilnya akan diambil oleh Fama untuk dipasarkan.

"Tapi dengan keadaan ini saya tak sempat nak rasa hasilnya. Malah saya terpaksa tanggung kos rugi yang banyak," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Norli Azhan berkata, serangan gajah liar itu dialaminya sebanyak empat kali dalam masa sebulan.

Katanya, pada awal kemusnahan tidak banyak tetapi pada kali ini ia merosakkan hampir keseluruhan tanamannya.

"Memang sedih tengok tanaman musnah. Tapi apa daya saya nak halangnya, walaupun dah banyak usaha dibuat termasuk pasang lampu pelita di sekeliling kebun. Gajah tetap masuk kebun," katanya.

Bagi pemilik ladang Muhamad Redzuan Yussof, 30, berkata, serangan gajah liar menyebabkan dia kerugian lebih RM8,000 pada bulan ini.

Dia yang mengusahakan ladang kelapa sawit di Batu 27, Kahang berkata, sebanyak tiga kali serangan gajah berlaku dalam Mei ini sahaja, menyebabkan lebih 200 pokok sawit rosak terjejas.

Rondaan kerap dibuat. Hampir setiap hari. Kami juga bakar tayar terpakai sebagai usaha nak halau gajah liar dari masuk ladang.

"Tapi ia bersifat sementara saja. Haiwan ni masih juga keluar masuk kawasan ladang malah makin kerap hingga jejakkan pendapatan pekebun.

"Kehadiran gajah ni berturut-turut hingga musnahkan lebih banyak pokok sawit yang berusia dalam lingkungan tujuh tahun.

"Habis pucuk-pucuk kelapa sawit dimakan termasuk pelepasan dimusnahkan dan tak mampu diselamatkan. Kami harap pihak ber-tanggungjawab memandang serius dan cari jalan menyelesaikan masalah ini kerana penduduk kampung tak sanggup tanggung rugi hampir setiap hari," katanya.

Hasilnya, seekor ibu gajah berusia lingkungan 40 tahun bersama seekor anak jantannya berumur dua tahun ditangkap melalui operasi dijalankan.

Norli Azhan menunjukkan tanaman tebunya yang tidak dapat dijual.

Perhilitan tangkap ibu dan anak gajah

Unit Tangkapan Gajah, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri Johor, dibantu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Seri Lukut dan Umno bahagian Sembrong, mengadakan operasi bersepadu mengesan dan menangkap gajah di Kampung Seri Lukut, Selasa lalu.

Ketua Operasi, Timbalan Ketua Unit Gajah, Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Mohd Khairul Adha Mat Amin berkata, haiwan itu ditangkap setelah 18 anggota daripada Perhilitan Kuala Gandah Pahang, melakukan pemantauan dan pengesan selama sembilan hari.

Katanya, gajah ditangkap adalah pecahan daripada kumpulan sembilan ekor yang dipercaya datang dari kawasan hutan Panti dan Lenggor untuk mencari makanan di sekitar kawasan Kampung Seri Lukut ini.

"Operasi dilakukan atas aduan pemilik kebun sawit di kampung ini yang sering berhadapan dengan serangan gajah liar, hingga menyebabkan banyak tanaman musnah sejak dua tiga bulan kebelakangan ini.

"Kedua-dua ekor gajah ini akan di hantar ke Taman Negara Endau hari ini (semalam) setelah kerja-kerja menaikkannya ke dalam kenderaan selesaai dilakukan," katanya.

Mohd Khairul Adha berkata, kejayaan operasi itu turut dibantu oleh JKKK Seri Lukut diketuai oleh Ketua Kampungnya, Hasbullah Muhammad, yang bertindak sebagai penunjuk arah kawasan serangan gajah.

"Pemantauan dan rondaan akan diteruskan dari masa ke masa bagi mengatasi masalah ini," katanya.

Sementara itu, Hasbullah berkata, pihaknya berterima kasih kepada Jabatan Perhilitan, Adun

Kahang, R Vidyananthan, Umno bahagian Sembrong dan Felcro di atas bantuan diberikan bagi membantu pekebun kecil di sini.

Ujarnya, tangkapan itu diharap mengurangkan serangan gajah liar di kebun penduduk.

"Bagaimanapun, ia bersifat sementara namun usaha ini buktikan bahawa semua agensi terlibat beri komitmen untuk bantu penduduk kampung di sini.

"Bukan itu saja, pekebun juga ambil inisiatif pasang pelita di sekeliling kebun, bakar mercun, tayar terpakai dan sebagainya untuk menakutkan gajah," katanya.

Hasbullah berkata, walaupun tangkapan dibuat namun masih serangan gajah liar akan tetap berlaku.

"Diharap pihak yang terlibat dapat tangkap dan pindahkan gajah-gajah liar ini ke santuari gajah bagi menyelesaikan masalah ini."

"Jika tidak ia akan berulang dan pekebun akan terus tanggung rugi," katanya.

Tanaman sawit milik Muhamad Redzuan musnah diserang gajah liar sepanjang minggu ini.



Kawasan kebun tebu milik Norli Azhan yang musnah akibat serangan gajah liar pagi Jumaat lalu.



Kakitangan Perhilitan menggunakan denak bagi menangkap ibu gajah bersama anaknya di Kampung Seri Lukut.

